


## PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA




# PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## PERJAWATAN


Perbendaharaan dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan sebanyak 132 pelbagai jawatan KUKUM bagi tahun 2005. Daripada sejumlah 132 jawatan tersebut, 65 orang adalah dalam kategori perjawatan akademik dan 67 orang adalah dalam kategori perjawatan bukan akademik.

Sehingga 31 Disember 2005, bilangan keseluruhan jawatan adalah sebanyak 434 dan jumlah jawatan yang telah diisi adalah sebanyak 383, iaitu 88.2%. Jumlah tersebut adalah meliputi 177 staf akademik (6 Profesor, 25 Profesor Madya, 98 Pensyarah, 40 Pegawai Latihan Vokasional, 6 Guru Bahasa dan 2 Tutor) dan 206 staf bukan akademik (65 Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 141 Kumpulan Sokongan).

### Perjawatan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia Tahun 2005



KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN
PENGURUSAN TERTINGGI	3
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	
Akademik	
Profesor	4
Profesor Madya	24
Pensyarah	98
Pegawai Latihan Vokasional	40
Guru Bahasa	6
Tutor	2
Bukan Akademik	65
SOKONGAN	141
<b>JUMLAH</b>	<b>383</b>



## PERKHIDMATAN

Unit Perkhidmatan bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan skim perkhidmatan, penilaian prestasi staf dan pergerakan gaji tahunan, elauan, cuti, pemberian taraf pekerja berpencen, pengesahan dalam jawatan, penyambungan perkhidmatan lepas, pengurusan sistem maklumat staf (SMS) dan urusan persaraan.

### Kursus Induksi (Umum)

Unit Perkhidmatan telah mengadakan Kursus Induksi Umum kepada semua staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berjawatan tetap. Kursus ini adalah diwajibkan kepada semua kakitangan KUKUM yang berjawatan tetap sebagai syarat pengesahan dalam perkhidmatan selaras dengan syarat-syarat yang digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991. Kursus ini telah diadakan pada 11 April 2005 hingga 26 April 2005 bertempat di Dewan Kuliah Pusat Kejuruteraan, Kuala Perlis melibatkan seramai 67 orang staf daripada pelbagai skim perkhidmatan. Antara objektif utama Kursus Induksi Umum adalah untuk memberi pendedahan yang sama kepada pegawai awam tentang Dasar-dasar Umum Negara, Dasar-dasar Awam dan lain-lain dasar kerajaan demi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai pengurusan kewangan, belanjawan negara, arahan-arahan, pekeliling-pekeliling serta panduan-panduan kerajaan.

## **Peperiksaan Perkhidmatan**

Unit Perkhidmatan telah mengadakan peperiksaan perkhidmatan bagi Kumpulan Sokongan II yang terdiri daripada skim perkhidmatan Pembantu Teknik, Juruteknik, Pembantu Tadbir (Kesetiausaha), Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan Pembantu Perpustakaan. Peperiksaan ini telah diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 22 September 2005 dan 23 September 2005. Seramai 28 orang staf sokongan telah menduduki peperiksaan ini yang diadakan di Dewan Keikhlasan. Tujuan peperiksaan ini diadakan adalah sebagai syarat pengesahan di dalam perkhidmatan bagi skim-skim perkhidmatan yang disyaratkan untuk menduduki peperiksaan seperti arahan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

## **PENTADBIRAN**

Secara amnya Unit Pentadbiran dipertanggungjawabkan untuk menggubal dasar-dasar dan peruntukan-peruntukan Universiti, perundangan Universiti, Perjanjian, MOU, Perlembagaan, Statut, Akta Universiti dan Peraturan-peraturan. Selain itu, unit ini juga ditugaskan bagi meneliti dokumen-dokumen hal ehwal pentadbiran dan mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Antara perkara-perkara penting dalam pentadbiran adalah:

### **Urusan Tatatertib**

Melaksanakan proses urusan tatatertib kakitangan dengan teratur dan cepat selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] seterusnya menyedia dan mengemukakan laporan secara berkala kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Unit Pentadbiran bertindak sebagai urusetia Jawatankuasa Tatatertib Staf Universiti dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Staf.

### **Lembaga Pengarah Universiti**

Menyelaras Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan bertindak sebagai urusetia. Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu pada 29/1/2005, 9/6/2005, 19/10/2005 dan 12/12/2005 dengan jayanya.

## **Pengisytiharan Harta**

Melaksanakan dan memantau urusan laporan pemilikan dan pengisytiharan harta oleh kakitangan Universiti.

## **Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan di Peringkat Universiti dan melaksanakan usaha-usaha gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan Universiti. Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan telah diadakan pada 27/7/2005.

## **Majlis Bersama Jabatan**

Menubuhkan Majlis Bersama Jabatan diperingkat Universiti berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2002. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah diadakan pada 25/7/2005.

## **Panel Guaman**

Unit Pentadbiran juga berurusan dengan Panel Guaman Universiti dan pihak guaman luar berkaitan dengan kes-kes pemungkiran perjanjian oleh staf.

## **LATIHAN**


Unit Latihan Jabatan Pendaftar mengurus dan mentadbir Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik dan Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik sebagai langkah meningkatkan kompetensi di dalam pembangunan staf terutamanya staf akademik.

### **Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)**

KUKUM telah menghantar seramai 28 orang fellow untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara mengikut bidang pengajian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih Calon Pengajian Lanjutan berdasarkan perancangan akademik yang telah ditetapkan. Fellow-fellow tersebut dibiaya oleh Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Data fellow yang terlibat bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

### Bilangan Fellow di bawah Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik (SLTPA)

BIL	Pusat Pengajian	2005			
		Sarjana		PhD	
		Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
1	PPK Komputer & Perhubungan	3	1	-	1
2	PPK Bahan	-	-	4	-
3	PPK Mikroelektronik	1	3	-	-
4	PPK Pembuatan	1	1	-	1
5	PPK Sistem Elektrik	3	1	-	-
6	PPK Mekatronik	3	3	-	-
7	PPK Bioproses	-	1	-	-
8	PPK Alam Sekitar	1	-	-	-
Jumlah		12	10	4	2
JUMLAH KESELURUHAN		22		6	
		28			



### Skim Pengajaran Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA)

Seramai 4 orang staf akademik telah dihantar menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di bawah Skim Pengajaran Lanjutan Kakitangan Akademik ke beberapa buah universiti di dalam dan luar negara mengikut bidang pengajian yang ditetapkan oleh Jawatan kuasa Pemilih Calon Pengajaran Lanjutan. Pengajian staf-staf tersebut dibiaya oleh KUKUM. Data staf yang terlibat bagi tahun 2005 adalah seperti berikut:

### Bilangan staf di bawah Skim Pengajaran Lanjutan Kakitangan Akademik (SPLKA)

BIL	Pusat Pengajian	2005			
		Sarjana		PhD	
		Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
1	PPK Komputer & Perhubungan	-	-	-	1
2	PPK Mikroelektronik	-	-	-	1
3	PPK Sistem Elektrik	-	-	-	1
4	PPK Mekatronik	1	-	-	-
Jumlah		1	-	-	3
JUMLAH KESELURUHAN		1		3	
		4			

### PENILAIAN TAHP KECEKAPAN TAHUN 2005

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) diperkenalkan bagi memupuk pembangunan diri, meningkatkan budaya organisasi pembelajaran dan menyediakan pegawai perkhidmatan awam dalam perlaksanaan pengurusan sumber manusia yang berdasarkan kompetensi. Ia adalah salah satu unsur dalam menentukan kemampuan pegawai perkhidmatan awam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna. Penilaian Tahap Kecekapan telah diperkenalkan mulai 1 November 2002 berdasarkan Pekelingiling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Pengukuran tahap kecekapan pegawai perkhidmatan awam dilaksanakan melalui peperiksaan, kursus dan amali/pemerhatian/temuduga mengikut kumpulan perkhidmatan dan juga tahap kecekapan yang ingin diukur. Kaedah-kaedah pengukuran tersebut adalah berdasarkan kepada kompetensi. Kompetensi bermaksud gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi sesuatu pekerjaan atau jawatan. Kompetensi pegawai yang diukur dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kompetensi umum dan kompetensi khusus.




Kursus Penilaian Tahap Kecekapan TK5 Akademik,  
28 November - 3 Disember 2005,  
Bukit Ayer Jungle Park Resort Batu Pahat.



Kursus Penilaian Tahap Kecekapan TK3 Akademik,  
21-29 Jun 2006,  
DK4 & 5 Kubang Gajah.



Majlis Menandatangani  
Surat Aku janji



Bengkel Muhasabah Diri  
Mengetahui Kelemahan, Membina Kekuatan'

Unit Penilaian Tahap Kecekapan di Jabatan Pendaftar bertanggungjawab di dalam urusan berkenaan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan di KUKUM bagi membantu pembangunan diri staf dari segi anjakan gaji, kenaikan pangkat dan seterusnya ke arah membudayakan kecemerlangan di dalam universiti. Unit ini juga dipertanggungjawabkan bagi penyediaan sukanan peperiksaan, kurikulum kursus dan panduan bagi menduduki Penilaian Tahap Kecekapan sebagai rujukan kepada semua staf.

Unit Penilaian Tahap Kecekapan telah melaksanakan dua kursus peringkat KUKUM pada tahun 2005 di bawah Sistem Saran Malaysia. Di antara objektif bagi kursus-kursus ini adalah:

- i. Untuk menilai tahap pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai peribadi pegawai;
- ii. Meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pegawai mengikut kesesuaian setiap peringkat gred jawatan yang disandang;
- iii. Menjadi sebagai salah satu syarat bagi mendapat Anjakan Gaji (AG);
- iv. Menentukan kemajuan kerjaya pegawai.

Kurikulum kursus telah digubal mengikut garis panduan pemantapan Penilaian Tahap Kecekapan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan mengikut tajuk-tajuk yang telah dipersetujui di peringkat semua IPTA di Malaysia. Kursus ini telah menggunakan beberapa kaedah latihan termasuk ceramah, kertas tugasan individu, pengucapan awam, dan persembahan individu oleh para peserta.

Kursus Penilaian Tahap Kecekapan TK3 Akademik telah diadakan pada 21-29 Jun 2005 di Dewan Kuliah 4 & 5, Kubang Gajah dan telah dihadiri oleh 20 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah universiti gred DS45 yang telah dilantik pada tahun 2002 dan 2003 yang telah disahkan di dalam perkhidmatan pada tahun 2005. Kursus ini dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu penilaian kursus (70%) dan ujian kursus (30%).

Kursus Penilaian Tahap Kecekapan TK5 Akademik pula telah diadakan pada 28 November hingga 3 Disember 2005 di Bukit Ayer Jungle Park Resort, Batu Pahat dan telah dihadiri oleh 8 orang pensyarah universiti gred DS53. Kursus ini dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu penilaian kursus (70%) dan ujian kursus (30%). Seramai satu orang calon telah ditumpangkan ke IPTA bagi tujuan menumpang kursus Penilaian Tahap Kecekapan memandangkan bilangan jumlah yang kecil untuk dilaksanakan secara dalaman. Calon tersebut merupakan seorang Pegawai Sistem Maklumat gred F48 dan telah menurut serta kursus di Universiti Sains Malaysia.

Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan TK1 dan TK3 telah diadakan secara dalaman bagi 3 orang calon daripada jawatan Pembantu Tadbir Kesetiausahaan gred N22 dan Pemandu Kenderaan Bermotor gred R3. Peperiksaan tersebut telah dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu Kertas Umum (40%) dan Kertas Khusus (60%).

## KALENDAR LATIHAN TAHUN 2005

### 1. BENGKEL AMALI KEPADA PENSYARAH DAN GURU BAHASA KUKUM

Tarikh : 3-5 Mei 2005

Tempat : Dewan Keikhlasan, Tingkat 10, Bangunan KWSP, Kangar

Peserta : 37 orang

#### Objektif Kursus :

1. Program Amali 1 ini diadakan sebagai memenuhi syarat pengesahan jawatan staf akademik KUKUM yang juga lanjutan dari Kursus Teori Pengajaran dan Pembelajaran.
2. Penilaian yang dijalankan adalah bertujuan untuk sama-sama memperbaiki kaedah dan cara gaya pengajaran agar lebih mantap dan berkesan.
3. Ia adalah demi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan sempurna.

### 2. BENGKEL AMALI KEPADA PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL KUKUM

Tarikh : 9-10 Mei 2005

Tempat : Dewan Keikhlasan, Tingkat 10, Bangunan KWSP, Kangar

Peserta : 58 orang

#### Objektif Kursus :

1. Program Amali 1 ini diadakan sebagai memenuhi syarat pengesahan jawatan staf akademik KUKUM yang juga lanjutan dari Kursus Teori Pengajaran dan Pembelajaran.
2. Penilaian yang dijalankan adalah bertujuan untuk sama-sama memperbaiki kaedah dan cara gaya pengajaran agar lebih mantap dan berkesan.
3. Ia adalah demi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan sempurna.

### 3. BENGKEL PENULISAN MODUL MAKMAL DAN PENGAJARAN

Tarikh : 11-12 Mei 2005

Tempat : DKP 3, Pusat Kejuruteraan KUKUM, Kuala Perlis

Peserta : 50 orang

#### Objektif Kursus :

1. Menambah baik modul makmal dan pengajaran sedia ada supaya dicetak dalam bentuk buku yang lebih kemas.
2. Meneliti dan memperhalusi kandungan modul makmal dan pengajaran supaya tiada unsur plagiat, mempunyai fakta yang tepat, jelas dan sesuai untuk rujukan pelajar.
3. Mencari idea bagi membangunkan kandungan modul

makmal dan pengajaran secara terancang dan lebih berstruktur serta selaras format penulisannya.

4. Menjadikan bengkel ini sebagai platform untuk menggalakkan pensyarah atau tenaga pengajar KUKUM supaya lebih berminat untuk menulis.

### 4. BENGKEL KAEDEH PENYELIDIKAN EMPIRIKAL – KUANTITATIF & KUALITATIF

Tarikh : 13-14 Mei 2005

Tempat : Hotel Putra Palace, Kangar

Peserta : 50 orang

#### Objektif Kursus :

1. Memperkenalkan kaedah penyelidikan yang bersifat empirikal kepada para pensyarah KUKUM.
2. Mengenalpasti isu dan permasalahan dalam bidang pendidikan yang boleh dijalankan secara empirikal oleh pensyarah KUKUM.
3. Memperkayakan budaya penyelidikan di KUKUM.

### 5. BENGKEL STATISTIK DAN APLIKASI SPSS KEPADA STAF AKADEMIK KUKUM

Tarikh : 26-27 Mei 2005

Tempat : Makmal MKIK 1, Kuala Perlis

Peserta : 40 orang

#### Objektif Kursus :

1. Memperkenalkan kegunaan kaedah statistik dalam analisis data dan membuat keputusan.
2. Memberikan panduan tentang penggunaan pakej statistik (SPSS) dan tafsiran output analisis dengan betul.

### 6. BENGKEL KAEDEH PEMBELAJARAN BERKESAN UNTUK PELAJAR LEMAH PMK

Tarikh : 13-14 Ogos 2005

Tempat : DKP 2, Pusat Kejuruteraan KUKUM, Kuala Perlis

Peserta : 165 orang

#### Objektif Kursus :

1. Memperjelaskan objektif pembangunan kendiri dan profesional mereka.
2. Mengenalpasti skil-skil kendiri yang boleh mempengaruhi kebolehan mereka menyesuaikan diri di dalam apa sahaja keadaan yang sentiasa berubah.
3. Memotivasi diri pelajar ke arah pencapaian akademik yang lebih tinggi melalui kaedah pembelajaran berkesan.

## 7. KURSUS INDUKSI KHUSUS

- Tarikh : 29 Ogos 2005  
Tempat : Dewan Kolej Kediaman Kg Wai, Kuala Perlis  
Kehadiran : 76 orang  
**Objektif Kursus :**
- i. Memberi gambaran awal tentang KUKUM
  - ii. Mewujudkan hubungan sesama rakan setugas dikalangan staf baru
  - iii. Menjelaskan halatuju, Visi dan misi KUKUM kepada staf baru

## 8. KURSUS INDUKSI UMUM STAF

- Tarikh : 12 - 21/09/05  
Tempat : Pusat Latihan MADA, Kota Aur, Sik, Kedah dan Kampus KUKUM  
Kehadiran : 49 orang  
**Objektif Kursus :**
- i. Memberi pendedahan yang sama kepada semua staf dalam Perkhidmatan Awam mengenai sejarah negara, dasar-dasar utama kerajaan, rancangan serta program pembangunan negara.
  - ii. Memberi pendedahan tentang sistem pentadbiran, prosedeur-prosedur utama, arahan-arahan pentadbiran serta pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam
  - iii. Memupuk nilai serta etika kerja cemerlang dikalangan staf KUKUM selari dengan peranan sebagai kakitangan awam.
  - iv. Membina kefahaman yang mendalam tentang tugas serta tanggungjawab sebagai kakitangan awam.
  - v. Mewujudkan semangat kerjasama sepasukan sebagai staf KUKUM bagi merealisasikan Visi dan Misi KUKUM.

## 9. SEMINAR SKEMA PEMARKAHAN BARU KUKUM

- Tarikh : 30 September 2005  
Tempat : DKG 5, Kubang Gajah, Arau  
Peserta : 132 orang  
**Objektif Kursus :**
1. Diberi taklimat tentang skema pemarkahan baru.
  2. Dapat berkongsi pendapat tentang isu peperiksaan dan pemarkahan di KUKUM.
  3. Bertukar fikiran untuk memantapkan lagi sistem peperiksaan dan pemarkahan di KUKUM.

## 10. KURSUS PEMANDU CEMERLANG

- Tarikh : 28/11/05 01/12/05  
Tempat : Dewan Jabatan Pertanian Perlis, Bukit Temiang  
Peserta : 13 orang  
**Objektif Kursus :**
- i. Meningkatkan tahap profesionalisma pemandu
  - ii. Membentuk nilai serta etika kerja yang baik dikalangan pemandu
  - iii. Mendedahkan pelbagai kemahiran serta pengetahuan yang bersesuaian dengan kerjaya mereka sebagai pemandu

## 11. BENGKEL KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS

- Tarikh : 15, 19 & 20 Disember 2005  
Tempat : DKG 4, Kubang Gajah, Arau  
Peserta : 81 orang  
**Objektif Kursus :**
1. Dapat mempertingkatkan kemahiran menggunakan Bahasa Inggeris di dalam penulisan, komunikasi dan pengajaran.
  2. Dapat mengatasi kelemahan Berbahasa Inggeris dan lebih yakin tentang penggunaanya yang betul.

## 12. BENGKEL PENGENALAN TUTORIAL BERKESAN

- Tarikh : 16 Disember 2005  
Tempat : DKG 4, Kubang Gajah, Arau  
Peserta : 81 orang  
**Objektif Kursus :**
1. Didedahkan kepada kaedah tutorial berkesan.
  2. Dapat merancang kaedah tutorial yang mantap dan menarik.
  3. Dapat bertukar fikiran bagaimana kaedah tutorial dapat di selaraskan di KUKUM.

## 13. BENGKEL PENGENALAN PENULISAN ILMIAH

- Tarikh : 23 Disember 2005  
Tempat : DKG 4, Kubang Gajah, Arau  
Peserta : 81 orang  
**Objektif Kursus :**
1. Diberi pendedahan mengenai teknik penulisan artikel ilmiah yang betul dan berkesan dalam jurnal saintifik/sains sosial menggunakan format yang piawai.
  2. Mengkaji cara menulis kutipan dan kepentingan rujukan mengikut APA, 2001.